

Pengurusan Ihtirafi
TUNJANG KESEJAHTERAAN

05

Fokus :
**MUHARRAM
BULAN MULIA**

10

Artikel :
AKAL DAN ISLAM

15



Kursus Kefahaman
MEMBANGUN BERSAMA ISLAM
UBUDIYYAH, MAS'ULIYYAH DAN ITQAN



Ahmad bin Yakob
**YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan
 Dato' Haji Ahmad bin Yakob**
 Menteri Besar Negeri Kelantan

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

Allah SWT berfirman:

“Wahai orang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah dan katakanlah perkara yang benar, nescaya Allah memperbaiki bagimu amalan-amalanmu dan mengampuni bagi dosa-dosamu. Dan barangsiapa mentaati Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah mendapat kemenangan yang besar.”
 (al-Ahzab: 70-71)


Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T selaku pentadbir, pencipta dan pemerintah sekalian alam kerana dengan limpah izinNya Buletin IPTG Bil. 02/2022 dapat diterbitkan. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga, para sahabat dan seluruh pengikut baginda sehingga hari kiamat.

Setinggi penghargaan kepada seluruh pasukan sidang redaksi yang bertungkus-lumus menyiapkan buletin untuk edisi kali ini. Semoga buletin ini dapat menjadi bahan bacaan kepada semua peringkat terutamanya generasi kini bagi mengenal dan memahami sejarah dasar Membangun Bersama Islam.

Mengimbuu kembali saat ketika mana saya diamanahkan untuk meneruskan perjuangan Tok Guru Dato' Bentara Setia Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat, saya berhasrat agar dasar Membangun Bersama Islam dirakytakan secara menyeluruh demi melihat penerimaan dan penghayatannya meningkat dalam kalangan rakyat Kelantan. IPTG antara agensi yang dipertanggungjawabkan bagi memastikan semua lapisan masyarakat memahami apa itu dasar Membangun Bersama Islam.

Saya mengucapkan tahniah sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buletin ini sekali lagi dan berdoa semoga usaha murni ini akan mendapat keredaan dan keberkatan Allah SWT.

- * **RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT ***
- * **MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN ***
- * **WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030***



**YBhg. Dato' Dr. Johari Bin Mat
Pengarah**

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman bertaqwalah kepada Allah dan carilah (wasilah) jalan yang mendekatkan diri kepada-Nya, dan berjihadlah pada jalan-Nya, supaya mendapat keberuntungan”.
(Al-Maaidah 5:35)

Alhamdulillah, segala puji kepada Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, para sahabat, keluarga serta seluruh pengikut Baginda. Sempena bulan yang mulia ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 1444H kepada seluruh umat Islam.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada seluruh warga IPTG khususnya sidang redaksi penerbitan IPTG yang telah berjaya menerbitkan buletin edisi 02/2022 untuk kali ini. Buletin ini memaparkan aktiviti -aktiviti dan program-program yang telah dianjurkan IPTG sepanjang bulan Mei hingga Julai 2022. Saya berharap dengan terbitnya buletin ini, dapat membantu para pembaca terutamanya seluruh rakyat Kelantan mengetahui peranan dan tanggungjawab yang diberikan kepada IPTG bagi mengukuh dan mengembang dasar Membangun Bersama Islam dan dipraktikkan dalam seluruh aspek kehidupan seharian masyarakat Kelantan.

Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat memberikan sumbangan dan buah fikiran dalam menjayakan buletin ini. Semoga segala usaha yang dilakukan ini akan mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT.

Sekian, Terima Kasih

Kalam Menteri Besar	02
Kata Penerbit	03
Sidang Redaksi	04
Pengurusan Ihtirafi TUNJANG KESEJAHTERAAN	05
Kursus Kefahaman MEMBANGUN BERSAMA ISLAM	07
Doa : BANGUN TIDUR	08
Infografik : TOK GURU DALAM KENANGAN	09
Fokus : MUHARRAM BULAN MULIA	10
Hadis : SIRI 3	12
Berita & Aktiviti IPTG	13
Artikel : AKAL & ISLAM	15
Pesan TOK KU	17
Sana-Sini IPTG	18



SIDANG REDAKSI

Penaung

YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan
Dato' Haji Ahmad Bin Yakob

Penasihat

YBhg Dato' Dr. Johari Bin Mat

Penyelaras

Mohd Hafizi Bin Mahadi

Ketua Pengarang

Nurliyana Binti Ahmed

Sidang Pengarang

Norshafinaz Binti Nazaruddin
Siti Nur Amirah Binti Fauzi

Editor

Ahmad Fathi Bin Yusoff
Nabil Abqari Bin Zuhaidi

Jurufoto

Muhammad Khairul Naim Bin Jazli
Wan Muhammad Faizat Bin Wan Mohd Sanusi

Reka Bentuk Grafik & Percetakan

AZKIA PRINTING
PT361, Aras Bawah,
Lembah Sireh (Belakang Tesco),
15050 Kota Bharu, Kelantan

Alamat Surat Menyurat:

Institut Pemikiran Tok Guru

Dato' Bentara Setia

Tingkat Bawah,
Blok Dewan Undangan Negeri Kelantan,
Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan.

***Buletin ini perlu dijaga dengan baik kerana mengandungi ayat al-Quran**



Pengurusan Ihtirafi

TUNJANG KESEJAHTERAAN

BAHAGIAN I

Ihtirafi adalah satu gagasan yang telah dicetuskan oleh YAB Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan, Dato' Haji Ahmad Bin Yakob ketika menyampaikan Amanat Tahun Baru 2019 kepada penjawat awam seluruh negeri Kelantan di Dewan Jamuan Utama, Kompleks Kota Darulnaim. Gagasan ini bertepatan dengan aspirasi Kerajaan

Negeri Kelantan bagi menjadikan para penjawat awam negeri berkhidmat dengan penuh dedikasi dan beriltizam demi memastikan kelestarian tadbir urus negeri secara patuh syariah.

Amanat ini merupakan kesinambungan kepada dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang ditunjangi oleh '**Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI)**).

Untuk memahami Ihtirafi, kita perlu terlebih dahulu memahami dasar-dasar sebelumnya kerana Ihtirafi adalah intipati daripada dasar-dasar tersebut:

- 1 Dasar Membangun Bersama Islam (MBI)
- 2 Tunjang MBI; 'Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI)
- 3 Merakyat Membangun Bersama Islam; 7 Mercu Tanda
- 4 Kelantan Melangkah Ke Hadapan; Keberkatan, Kemakmuran, Kebajikan (3K)
- 5 Pengurusan Ihtirafi

2 CIRI ORANG MUKMIN YANG PROFESIONAL



Kedua-dua sifat ini adalah adunan utama dalam melaksanakan pengurusan dan pentadbiran

Mukaddimah ucapan menggarisbawahi sifat hafiz dan alim; kombinasi personaliti mukmin profesional berkepakaran dan berintegriti serta dipercayai bagi mencapai objektif di atas.

Ihtirafi bermakna profesional. Pengurusan Ihtirafi merujuk kepada pengurusan yang profesional dan cemerlang bercirikan:

- **Hawariyyun:** Pendukung kepada perjuangan yang suci.
- **Kafa'ah:** Pekerti mulia dan integriti sebagai asas sahsiah.
- **Wafa' Bil 'Uqud:** Meletakkan keazaman yang tinggi untuk mencapai piawaian yang terbaik dalam tugas.
- **Himmatul 'Amal:** Mengejar peningkatan kualiti dan cita-cita dalam profesion
- **Hafazah:** Memelihara dan meningkatkan imej profesion.

Pengurusan Ihtirafi menitikberatkan penghayatantugas sebagai penjawat awam yang melaksanakan peranan penting sebagai mendukung perjuangan mulia gagasan Kerajaan Negeri iaitu dasar Membangun Bersama Islam berprinsipkan 'Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI). Maka, taklif sebagai penjawat awam adalah ibadah yang akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT kelak. ■

Bersambung





KURSUS KEFAHAMAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

'Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan



Unit Latihan telah mengadakan Kursus Kefahaman Membangun Bersama Islam (MBI) - 'Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI) kepada ASCII Line Sdn. Bhd., anak syarikat kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) pada 24 Ramadan 1443H / 26 April 2022.

Doa

BANGUN TIDUR

لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى
 كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،
 وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ، رَبِّ اغْفِرْ لِي

Maksudnya :

Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah semata, tiada sekutu bagi-Nya, milik-Nya kerajaan dan bagi-Nya segala pujian, dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu. Maha Suci Allah. Segala puji bagi Allah. Tiada yang berhak disembah melainkan Allah. Allah Maha Besar. Tiada daya dan kekuatan melainkan dengan izin Allah Yang Maha Tinggi lagi Maha Perkasa. Tuhanku, ampunilah aku.

Rujukan: Sesiapa yang mengatakan ini akan diampuni, dan jika dia berdoa kepada Allah, doanya akan dimakbulkan; jika dia berwuduk dan solat nescaya diterima solatnya. Al-Bukhari, rujuk. Al-Asqalani, Fathul-Bari 3/39, antara lain. Lafaz di sini adalah daripada Ibn Majah 2/335. ■

PENGENALAN

NAMA

Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat

NAMA GELARAN

Tok Guru Dato' Bentara Setia Dato'
Hj. Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat

NAMA PANGGILAN

Ayah Ziz, Tok Guru @ Tuan Guru,
Dato' Bentara Setia

KETURUNAN

AYAH


Nik Mat bin Raja Banjar
(Keturunan Kerabat Diraja Jembal)

IBU

Siti Aminah binti Abdul Majid

PERKAHWINAN

Berkahwin pada tahun 1962M
dengan Tuan Sabariah binti Tuan
Ishak dan dikurniakan 10 orang
cahayamata



Tok Guru DALAM KENANGAN

1931-2015

PENDIDIKAN

- 1936M** Sekolah Melayu Kedai Lalat
- Madrasah Diniyyah Ittifaqiah, Jertih, Terengganu
- Madrasah Arabiah Jamek Merbau al-Isma'ili (kini Maahad Muhammadi Lelaki)
- 1952M** Universiti Darul Ulum Deoband, Saharanpur, Uttar Pradesh, India
- 1957M** Jami'ah Khuddamuddin, Lahore, Pakistan
- 1958M** Universiti al-Azhar, Mesir

KERJAYA

- 1962M** Mudir Pertama Maahad Darul Anuar
- 1962M** Guru di Madrasah al-Tarbiah al-Mardhiah, Panchor
- 1962M** Penyelia Kelas Agama Dewasa di Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
- 1964M** Guru Maahad Muhammadi Lelaki
- 1967M-1986M** Ahli Parlimen
- 1986M-2013M** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)
- 1990M-2013M** Menteri Besar Kelantan

MUHARRAM

BULAN MULIA

Bulan Muharram (محرم) berasal daripada perkataan haram (حرم) yang bererti suci atau terlarang. Dinamakan Muharram kerana sejak zaman dahulu pada hari ini dan juga empat bulan lain dilarang berperang, membunuh dan melakukan kezaliman terhadap orang lain. Bahkan bulan Muharram termasuk salah satu bulan haram.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya bilangan bulan di sisi Allah SWT adalah sebanyak dua belas bulan sebagaimana yang terdapat di dalam kitabullah (lauh al-Mahfuz) pada hari diciptakan langit-langit dan juga bumi. Di antaranya (bulan-bulan tersebut) adalah empat bulan haram. Demikian itulah agama yang lurus maka janganlah kalian menzalimi diri kalian di dalam bulan-bulan tersebut.” (at-Taubah: 36)

Rasulullah SAW telah pun memberikan penjelasan berkenaan dengan empat bulan haram tersebut dengan sabda Baginda: Maksudnya: *Dalam setahun itu ada dua belas bulan dan di antaranya adalah empat bulan haram. Tiga bulan yang berturut-turut iaitu Zulkaedah, Zulhijjah, dan Muharram serta bulan Rejab yang berada di antara Jamadil Akhir dan juga Syaaban. (HR Bukhari)*

Kedua-dua nas di atas menyatakan istimewanya bulan Muharram kerana ia termasuk dalam kalangan empat bulan haram. Bulan-bulan ini sangat dihormati. Segala amalan soleh pada bulan-bulan ini membawa ganjaran pahala yang besar berbanding dengan bulan-bulan yang lain. Sebaliknya, dosa dan maksiat akan menjadi lebih besar dan berlipat ganda pada bulan-bulan haram.

Antara amalan soleh yang digalakkan pada bulan Muharram seperti sedekah, solat sunat dan yang paling utama adalah berpuasa sunat. Ini adalah daripada riwayat Abu Hurairah RA beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: Maksudnya: *Seafdal-afdal puasa setelah bulan Ramadan adalah berpuasa pada bulan Allah (Muharram) dan sesungguhnya solat yang paling afdal setelah solat fardhu adalah solat malam (qiamullail). (HR Abu Daud)*



Di antara hari-hari yang diutamakan adalah berpuasa pada 10 Muharram sebagaimana hadis dari Ibn Abbas RA berkata: *Maksudnya: Rasulullah SAW tiba ke Madinah dan Baginda dapati golongan Yahudi berpuasa pada hari Asyura. Kata mereka: Ini adalah hari yang mulia yang mana Allah selamatkan Musa dan kaumnya pada hari ini. Hari ini juga Allah menenggelamkan Firaun dan kaumnya. Lalu Musa berpuasa pada hari ini sebagai tanda kesyukuran. Kata Rasulullah SAW: Aku lebih utama ke atas Musa berbanding mereka. Maka Baginda pun berpuasa dan memerintahkan untuk berpuasa pada hari tersebut. (HR Bukhari dan HR Muslim)*

Antara kelebihan berpuasa pada 10 Muharram adalah dihapuskan dan diampunkan dosa setahun yang lalu. Di bulan yang mulia ini, Allah SWT memerintahkan kita untuk menjaga diri dan mencegah perbuatan zalim. Ini bermakna kita harus mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan yang salah, berdosa dan sebaliknya, mempunyai niat yang murni dan beramal soleh dan menyembah Allah SWT.

Bulan Muharram adalah permulaan tahun baru hijrah. Tahun baru hijrah ini dimulakan pada pemerintahan Saidina Umar al-Khattab. Ia memberi pengertian besar kepada umat Islam. Hijrah bermaksud berpindah dari Kota Mekah ke Kota Madinah kerana membawa agama namun setelah Mekah berada di bawah pemerintahan Islam maka hijrah tidak dituntut lagi.

Walau bagaimanapun, hijrah dari segi istilah ialah ia masih kekal iaitu Allah dan RasulNya memerintah agar semua umat Islam meninggalkan apa yang ditegah dan melakukan apa yang disuruh. Setiap orang yang melakukan apa yang Allah perintahkan dan meninggalkan apa yang dilarang adalah orang-orang yang sedang berhijrah walaupun mereka tidak berpindah kemana-mana.

Dalam konteks kita sebagai penjawat awam dan seluruh masyarakat, hendaklah kita meningkatkan usaha kita untuk melaksanakan tugas seharian dengan penuh dedikasi iaitu dengan memahami Ubudiyah, Masu'uliyah dan Itqan (UMI) berdasarkan kepada dasar Membangun Bersama Islam (MBI). Dengan itu, hijratul rasul ini adalah pemangkin kepada kompetensi dan integriti kepada penjawat awam.

Oleh itu, umat Islam seharusnya menggunakan masa ini untuk meningkatkan kerohanian mereka dan menahan diri daripada melakukan maksiat dengan tujuan menjadi Muslim yang lebih baik dan diredai Allah SWT. ■

عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: “بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَحَجِّ الْبَيْتِ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ.”

Maksudnya:

Maksudnya: Daripada Abu Abdul Rahman Abdullah Ibn Umar al-Khattab RA, berkata: Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Islam itu terbina atas lima perkara: bersaksi serta mengakui bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah dengan sebenarnya melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Muhammad itu adalah utusan Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji ke Baitullah dan menunaikan puasa pada bulan Ramadhan.”

(Riwayat Bukhari)

Pengajaran hadis:

Hadis ini mengumpamakan Islam sebagai sebuah binaan yang tertegak megah dengan lima batang tiang. Tanpa lima rukun ini, Islam dalam diri seseorang akan goyah dan runtuh. Hal ini membayangkan betapa rukun-rukun ini mestilah ditegakkan oleh setiap muslim dengan penuh ikhlas dan tanggungjawab.

Hadis ini juga menunjukkan hubungan rukun Islam antara satu sama lain. Hal ini bermaksud rukun Islam mestilah dilakukan secara menyeluruh, tidak boleh hanya melakukan suatu rukun sahaja dan meninggalkan rukun yang lain. Contohnya meninggalkan solat namun mengerjakan puasa. Hal ini tidak mencerminkan keperibadian muslim yang baik.

Oleh itu, untuk menjadi Mukmin dan Muslim yang terbaik, kita haruslah melaksanakan kelima-lima rukun islam sebagaimana hadis di atas dan semoga Allah SWT menerima setiap amalan kita di dunia dan di akhirat. ■

PENYIARAN ONLINE SEPANJANG BULAN MEI-JULAI 2022

Ustaz Suhaimi Mohamed
KETUA PERWALIMAN PERUMBAH PERKAWINAN
PERKAWINAN BERKUALITI & BERKESIHATAN

ALSHITERU
PERGAULAN INTIM SUAMI ISTERI

10 MUHARRAM 1444H | 08 OGOS 2022M
ISNIN | 09:30 PAGI

Ustaz Nor Azariza
TIMBALAN KETUA PENGELOLA
MALAGAT NEGERI KELANTAN

BESSO HOK BETUL BBETUL HOK BESO
BELITAN TIPU DAYA IBLIS (KITAB TALBIS IBLIS)
TOPIK: BERBANGGA DENGAN KETURUNAN SENDIRI

06 ZULHIJAH 1443H BERSAMAAN 06 JULAI 2022
RABU | 09:30 PAGI

Ustaz Zulqornain Hassan
PERGAULAN FTA

Muttera NABAWI
KITAB: AL HIKMATUL NABAWIYAH

RABU | 09:30 PAGI
29 ZULKAEDAH 1443H | 29 JUN 2022

Ustaz Salhan Ismail
PERKAWINAN BERKUALITI & BERKESIHATAN

OGHE KITO
RENDAH DIRI

03 MUHARRAM 1444H
01.08.22 ISNIN | 09:30 PAGI

Slot Pagi @ IPTG bersiaran seperti biasa dan disiarkan secara langsung dalam talian melalui aplikasi Facebook & Youtube IPTG. Siaran bermula jam 9.30 pagi selama 30 minit setiap hari Isnin, Selasa dan Rabu.



Membangun Bersama Islam (MBI) Program

Membangun Bersama Islam (MBI) masih bersiaran seperti biasa pada setiap hari Selasa jam 9.30 pagi bagi setiap minggu. Program bersiaran secara langsung di facebook IPTG dan ianya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua pihak. Program MBI ini memang sesuai untuk setiap lapisan masyarakat kerana ia merangkumi semua aspek kehidupan seharian kita.



Penyiaran slot IPTG Podcast : **Bare Kena Tahu** terus bersiaran tetap pada setiap hari Ahad bagi setiap minggu. Siaran secara langsung dalam talian melalui aplikasi Facebook dan Youtube pada setiap hari Ahad bagi setiap minggu. IPTG menjemput panel tetap iaitu YBr. Ustaz Muhamad bin Mustafa. Pelbagai topik yang menarik dan peristiwa yang penting dalam bulan Islam dibincangkan dan diperincikan dalam slot tersebut.



Penyiaran slot **Podcast Gaya Tok Guru** bersiaran seperti biasa pada setiap hari Khamis. Ia bersiaran sekali sebulan. Program bersiaran pada jam 9.30 pagi selama satu jam. Program bual bicara santai menyingkap pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat bersama tetamu jemputan istimewa yang mempunyai hubungan semasa pemerintahan Almarhum Tok Guru.



Podcast Rehal Amirah Program ini juga masih bersiaran setiap hari Khamis, satu kali sebulan. Panel tetap iaitu YBr. Ustazah Hafizah bt Abdullah, Pengetua Maahad Pengajian Islam, Kota Bharu Bersama perantara tetap Cik Siti Nur Amirah binti Fauzi menyingkap perbincangan secara terperinci pelbagai kisah berkaitan Wanita.



AKAL & ISLAM

Akal ialah segala kegiatan berfikir dan tahap kecerdasan seseorang manusia. Akal merupakan salah satu nikmat dan rahmat kurniaan terbesar Allah SWT kepada makhlukNya yang bernama manusia. Ia adalah merupakan sebuah alat atau mesin agung yang dihadiahkan oleh Allah kepada hambaNya bukan sahaja berfungsi untuk mencari ilmu pengetahuan bahkan jika dipacu mesin ini dengan baik, ia dapat memandu manusia ke arah kebaikan dunia dan akhirat.

Menurut Imam Ghazali akal ialah sesuatu sifat yang boleh membezakan diantara manusia dengan makhluk lain. Dari segi fizikalnya, ia merupakan otak. Dari segi kerohanian pula ialah satu keupayaan untuk menggarap ilmu pengetahuan tentang hakikat segala perkara; daya kekuatan untuk menimbangkan sesuatu yang baik dan buruk. Menurut al-Quran, akal adalah anugerah atau hujah Allah SWT yang hebat berbanding dengan makhluk lain. Akal merupakan alat yang dapat membezakan antara haq dan batil.

Firman Allah SWT yang bermaksud: *“Dan Allah SWT mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran supaya kamu bersyukur.”* (an-Nahl: 78)

Selain daripada ayat yang disebutkan, masih terdapat ratusan lagi ayat al-Quran dan juga hadis yang menekankan kepentingan akal dan menyeru manusia supaya berfikir dan menggunakan akal dengan sebaik-baiknya. Allah SWT mencela hamba-hambanya yang tidak menghargai nikmat akal yang dikurniakan dengan mengumpakan kedudukan mereka lebih hina daripada binatang ternakan.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: *“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati tetapi tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata tetapi tidak mahu melihat dengannya bukti keesaan Allah dan yang mempunyai telinga tetapi tidak mahu mendengar dengannya ajaran dan nasihat; mereka itu seperti binatang ternak bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai.” (al-‘Araf: 179)*

Selain itu, kesan yang timbul akibat daripada manusia tidak memimpin akal ke arah kebaikan, maka akan berlakunya kerosakan dan kemusnahan di bumi Allah. Walau hebat bagaimana sekalipun akal dalam mencari hakikat sesuatu kebenaran, Islam tetap memandangkan akal mempunyai had kemampuan dan batas sama seperti anggota-anggota lain yang juga mempunyai had masing-masing.

Ingatlah, akal tidak boleh dibiarkan berfikir melampaui hadnya dan beroperasi sendiri tanpa dibimbing oleh panduan agama. Hal ini kerana akal fikiran yang tidak dibimbing dengan panduan agama akan menuruti perintah hawa nafsu. Oleh kerana itu, Islam menyekat kebebasan manusia untuk berfikir sewenang-wenangnya melampaui perkara yang tidak mampu bagi akal mencapainya dan berfikir menurut hawa nafsu semata-mata.

Sehebat manapun nikmat akal dalam menganalisis dan menghasilkan sesuatu maklumat baharu, namun ada penentu kepada kebenaran sesuatu maklumat tersebut ialah apabila ia menepati al-Quran dan as-Sunnah.

Kesimpulannya, kita sebagai manusia perlulah bersyukur kepada Allah SWT atas kurniaan akal fikiran yang diberikan kepada kita. Kurniaan inilah yang menyebabkan manusia itu menjadi mulia berbanding makhluk-makhlukNya yang lain. Al-Quran jelas menuntut manusia untuk menggunakan akal sebaiknya kerana dengannya manusia dapat mengenal penciptanya Allah SWT.

Firman Allah SWT: *“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, adalah tanda-tanda adanya Allah SWT dan kekuasaanNya, kebijaksanaanNya dan keluasan rahmat Allah bagi orang-orang yang berakal iaitu orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan mengenai kejadian langit dan bumi (sambil berkata): “Wahai Tuhan Kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.” (Ali-Imran: 190-191)* ■



Pesan TOK KU

TERJAGA MALAM

“Kalau kita terjaga di tengah-tengah malam itu, ia sebenarnya satu anugerah dari Allah. Allah kirimkan malaikatNya mengejutkan kita supaya kita bangun beribadah kepada Allah. Sebagai tanda terima kasih kerana mengejutkan kita, paling malas pun, mintalah apa-apa (berdoa) walau sedikit (meskipun kita masih ditempat tidur) kepada Allah. Kemudian tidurlah.”

Apabila terjaga malam, bacalah doa ini:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ
وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ،
سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ
أَكْبَرُ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ،
رَبِّ اغْفِرْ لِي

Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah semata, tiada sekutu bagi-Nya, milik-Nya kerajaan dan bagi-Nya segala pujian, dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu. Maha Suci Allah. Segala puji bagi Allah. Tiada yang berhak disembah melainkan Allah. Allah Maha Besar. Tiada daya dan kekuatan melainkan dengan izin Allah Yang Maha Tinggi lagi Maha Perkasa. Tuhanku, ampunilah aku.

MASALAH

“Jika kereta rosak, mekanik yang akan membaikinya. Jika tubuh badan bermasalah, doktor yang akan mengubatnya. Jika kehidupan manusia bermasalah maka Pencipta manusia itulah yang perlu dirujuk. Pelik sungguh manusia yang mengaku Allah SWT sebagai Tuhan tetapi enggan merujuk kepada syariat Allah bila berdepan dengan masalah.”

Allah SWT berfirman yang bermaksud: “Dan apabila manusia ditimpa bahaya, dia berdoa kepada Kami (Tuhan) dalam keadaan berbaring, duduk atau berdiri, tetapi setelah Kami hilangkan bahaya itu darinya, dia (kembali) kepada jalannya yang sesat seolah-olah dia tidak pernah berdoa kepada Kami untuk menghilangkan bahaya yang telah menyimpannya. Begitulah orang-orang yang melampaui batas itu memandang baik apa yang selalu mereka kerjakan.” (Yunus: 12)

AlMarhum Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat

7 Syawal 1443H
8 Mei 2022

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Kota Darulnaim



15 Syawal 1443H
16 Mei 2022

Pameran IPTG di Majlis Sambutan Hari Raya di Perkarangan Stadium Kota Bharu, Kelantan



25 Syawal 1443H
26 Mei 2022

Kehadiran Maulana Sayyid Salman al-Husaini al-Nadwi dalam program Daurah Kitab Al-Muwatta' Imam Malik di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu



28 Syawal 1443H
29 Mei 2022

Sambutan Majlis Hari Raya Aidilfitri di Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia



2 Zulkaedah 1443H
2 Jun 2022



Lawatan Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie Sarawak beserta Rombongan ke Institut Pemikiran Tok Guru

2 Zulkaedah 1443H
2 Jun 2022



Lawatan daripada pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia

20-23 Zulhijjah 1443H
20-23 Julai 2022




Hari Keluarga IPTG 2022 telah di adakan di Langkawi, Kedah Darul Aman

25 Zulhijjah 1443H
25 Julai 2022



IPTG menerima kunjungan daripada asatizah dan pelajar Pusat Tahfiz al-Furqan, Kedah

سَلَامٌ مَعَ الْمُهْجَرِ
١٤٤٤ هـ



Salam
MAAL HIJRAH
1444H

ikhlas daripada

INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA - IPTG